

# Usah diskriminasi sambutan Hari Bapa

**Kuala Lumpur:** Penghormatan kepada bapa sama penting dengan ibu dan tidak sepatutnya wujud diskriminasi dalam sambutan di antara Hari Ibu dan Hari Bapa.

Pensyarah Kanan Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga, Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia Dr Rojanah Kahar berkata, sambutan Hari Bapa kurang mendapat liputan meluas kerana media lebih menonjolkan peranan ibu berbanding bapa.

“Ini berkemungkinan menyebabkan masyarakat kurang menyedari

wujudnya sambutan berkenaan (Hari Bapa).

“Bapa ialah insan penting dalam institusi keluarga kerana mereka memikul tanggungjawab yang besar untuk mencari nafkah isteri dan anak-anak.

“Sebagai anak, tidak salah meraikan Hari Bapa sebagai tanda penghargaan kepada bapa yang bersama-sama ibu menjaga, melindungi, memberikan kasih sayang dan mendidik mereka hingga mereka berjaya dalam kehidupan,” katanya.